

Malaysia pusat pelabur yang menarik— Dr. M

KUALA LUMPUR, Selasa. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengesakan hari ini, Kerajaan akan terus menjadikan Malaysia sebagai pusat pelaburan yang menarik kepada pelabur-pelabur asing untuk memperluaskan operasi mereka.

Timbalan Perdana Menteri berkata, melainkan peristiwa yang tidak dapat dielakkan, beliau tidak nampak sebarang peralihan atau pertukaran terhadap dasar pelaburan Kerajaan.

"Bagaimanapun kita mahu melihat pelaburan asing sejajar dengan dasar negara kita," katanya selepas menerima kunjungan Presiden National Semiconductor Corporation, Encik Charlie Sporek di pejabatnya di sini.

National Semiconductor Corporation mempunyai sekutunya di sini, NS Electronic Sdn. Bhd. yang akan

diperbesar dan dipertingkatkan operasinya dengan menambahkan modal sebanyak \$5 juta tahun ini.

Pembesaran tersebut merupakan peralihan operasi pemeriksaan yang sophisticated syarikat tersebut dari Amerika kepada Malaysia.

Mengulas langkah tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ia akan mempertingkatkan kemahiran pekerja dan akan memajukan pengeluaran industri elektronik tempatan.

Peralihan

"Dengan adanya tenaga mahir, pengusaha tempatan akan dapat memikirkan untuk menyertai pengeluaran bahan-bahan elektronik seperti yang berlaku di Hong Kong dan Korea," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan industri elektronik merupakan yang progresif dan cepat bertukar

dalam segi bahan dan cara pengeluaran.

"Malaysia sesuai dan unguh di bidang industri seperti itu kerana kita adalah negara yang stabil dan mempunyai tenaga buruh yang mahir dan gigih,"katanya.

Katanya, beliau memberi jaminan kepada Encik Sporek yang kini dalam rangka lawatan ke syarikat-syarikatnya di kawasan Asia/Pasifik bahawa Kerajaan akan memegang dasar pelaburan yang ada sekarang yang boleh menarik pelaburan yang lebih luas.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Encik Sporek berkata, syarikatnya telah melaburkan lebih \$50 juta di Malaysia.

Sejumlah 10,000 orang berkerja di syarikatnya sekarang di Pulau Pinang, Melaka dan Seremban.

Mengenal langkah syarikat tersebut untuk mengalihkan operasi pemeriksaan dari Amerika ke Malaysia, Encik Sporek berkata, ia akan melibatkan penubuhan kemudahan latihan dan menghantar lebih ramai jurutera untuk latihan ke Amerika.

"Modal tambahan sebanyak \$5 juta tahun ini adalah untuk melengkapi pemeriksaan yang termasuk komputer dan perkakas pemasangan yang automatik,"katanya.

Katanya, Malaysia sekarang merupakan pemasang semi-conductor yang pertama di dunia dan beliau meramalkan negara ini akan terus mempertahankan kedudukannya untuk 10 tahun akan datang bila pasaran dunia untuk komponen itu dijangka meningkat kira-kira AS\$40 ribu juta.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia